

# InfoINDUSTRI

Isu 03 | 30 Jun 2012

Membincang Masa Depan  
Ekonomi Negara

Pembinaan Kompleks  
Koperasi Baru Di Temburong

Timbertech Sdn. Bhd.  
Terokai Pasaran Baru

Sambutan Peristiwa  
Isra' Mi'raj Nabi Muhammad  
SAW



## Lawatan Diraja

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berkenan melawat ke syarikat pengeluar bahan binaan tempatan, Hasmit Shield Roofing Manufacture Sdn. Bhd. (HSRM). Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan pada 27 Jun 2012 itu diadakan selepas majlis penyerahan kunci rumah baru di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Tanah Jambu kepada 128 penduduk Kampung Katok B dan Kampung Rimba. Syarikat tersebut yang pada masa ini beroperasi di atas tapak yang diperuntukkan oleh Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) pada tahun 2003, merupakan syarikat pembekal peralatan binaan milik tempatan

yang terkemuka, dengan mencatat jumlah jualan mencecah BND\$7.6 juta sepanjang tahun lalu.



Kakitangan HSRM menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan sebagai satu detik manis yang tidak diduga dan menjadi pembakar semangat.





## Membincang Masa Depan Ekonomi Negara



Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) baru-baru ini mengadakan bengkel selama tiga hari bermula pada 19 Jun 2012 bagi membincangkan tajuk "The Changing Strategic and Sustainable Business Model - To achieve business performance result" di Hotel Centrepont, Gadong. Pelancaran bengkel itu, yang diadakan sebagai sebahagian daripada program untuk menyemak kembali Petunjuk Prestasi Utama (KPI) supaya sejajar dengan wawasan, misi dan objektif strategik serta Perancangan Kemajuan Jangka Panjang Negara Brunei Darussalam - Wawasan 2035, telah dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Pehin menekankan empat perkara penting:

1. Lapan penekanan strategik dikenalpasti oleh Kementerian bagi merealisasikan matlamat strategik 2023, iaitu Sekuriti Makanan, Pembangunan Industri Sumber Utama, Pembangunan Industri Halal, Pelancongan, Pembangunan Biodiversiti Lestari, Perindustrian, Pembangunan Industri Kotej dan Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi. Penekanan strategik ini dikumpulkan kepada empat kluster iaitu Sekuriti Makanan, Sosio Ekonomi,

Kepelbagaian Ekonomi, dan Perusahaan Kecil dan Sederhana.

2. Warga KPSSU telah diingatkan supaya sentiasa bersedia untuk melaksanakan objektif strategik Kementerian itu. Tambahan pula Kementerian perlu memiliki sukat-sukat KPI yang betul, mudah dipantau dan yang menyeluruh merangkumi setiap peringkat pentadbiran dan pelaksanaan, bagi mendokong penekanan strategik Kementerian dan Wawasan 2035.
3. Pelaksanaan program tersebut diharap dapat mewujudkan persekitaran pekerjaan yang lebih kondusif, seterusnya akan meningkatkan tahap motivasi kakitangan untuk mencapai dan mengekalkan kecemerlangan, kecekapan dan kualiti kerja yang tinggi. Yang Berhormat Pehin juga berharap dalam tempoh terdekat, Kementerian itu akan memiliki pengiktirafan ISO 9001: 2008 Sistem Pengurusan Berkualiti.
4. Melalui inisiatif ini Kementerian itu menasarkannya usaha untuk mencapai cita-cita menjadi sebuah organisasi

dinamik dan berkesan yang berupaya melengkapinya kehendak-kehendak industri minyak dan gas. Beliau turut menekankan pentingnya bagi Kementerian itu supaya lebih inovatif dalam memajukan industri-industri khusus yang berdayasaing dan berdayatahan, dan berpotensi untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan berkualiti bagi generasi hari ini dan masa hadapan.

“Adalah mustahak bagi Kementerian ini untuk mengimbas kembali pencapaian-pencapaian yang diraih sejak sepuluh tahun yang lalu, dan menghargainya. Pada masa sama, kita juga perlu merenung kembali segala cabaran yang sudah kita tangani, agar kita akan lebih bersedia untuk mencapai sasaran pendapatan sebanyak B\$4.5 bilion daripada pengeluaran kasar negara menjelang tahun 2023.”

*Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama*





## Pembinaan Kompleks Koperasi Baru di Temburong



Majlis perletakan batu asas bagi pembinaan Kompleks Koperasi Batu Apoi, Temburong telah diadakan pada 23 Jun 2012 di Tapak Lot 13, Kampung Batu Apoi, Temburong. Majlis tersebut dirasmikan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar yang diiringi oleh Setiausaha Tetap KPSSU, serta pegawai-pegawai kanan KPSSU dan BINA.

Kompleks yang dibina di atas tapak seluas sekitar 0.4174 hektar dan diletakkan di bawah bidang kuasa BINA, dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh setahun. Lokasinya yang hampir dengan Pekan Bangar, iaitu pusat pentadbiran dan komersial bagi daerah itu dijangka dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi dan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan di sekitar kawasan itu. Projek tersebut juga diperuntukkan di bawah Rancangan Kemajuan Negara Yang Kesembilan (RKN) (2007-2012), menjadi salah satu daripada strategi kerajaan untuk merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Menteri Perindustrian

dan Sumber-Sumber Utama bersama pegawai-pegawai kanan kementerian juga melawat Koperasi Pengangkutan Bersatu Temburong DTB, Koperasi Menjual Minyak Bersama Temburong, Koperasi Mukim Amo dan Tanggungan Berhad Temburong, Taman Negara Ulu Belalong dan Sumbiling Eco-Village.

“Syarikat-syarikat perniagaan harus bijak untuk meneroka peluang perniagaan yang sepadan dengan struktur pasaran yang terhad; manakala badan-badan koperasi perlu mencapah inisiatif perniagaan baru yang belum lagi diterokai oleh industri tempatan – mereka seharusnya mencari cara untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi dan keistimewaan suasana pasaran yang wujud di sekitar kawasan mereka beroperasi.”

*Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama  
Dato Seri Setia Awang Haji Yahya,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama*



## Timbertech Sdn. Bhd. terokai pasaran baru

Sebuah syarikat pembekal peralatan binaan tempatan, yang juga pengeluar serta pembekal utama produk konkrit pratuang, Timbertech Sdn. Bhd. mengambil langkah untuk memperkembangkan perniagaannya melangkaui batasan pasaran binaan tempatan.

Pada 27 Jun 2012, empat lori treler diarahkan mengangkut sejumlah 400 bongkah konkrit seberat 130 tan ke Negara Malaysia bagi memenuhi permintaan industri pembinaan di negara itu – satu kemajuan yang signifikan bagi Timbertech. Perkembangan terbaru ini merupakan satu kelegaan kepada industri binaan Malaysia, dan menurut syarikat tersebut, sebanyak 2,000 bongkah konkrit boleh diekspor ke negara itu pada setiap bulan. Syarikat tersebut, yang sudah 15 tahun menimba pengalaman dalam bidang pembinaan, menerima banyak anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa kerana komitmennya mengekalkan

tahap kualiti yang tinggi, kepimpinan, teknologi dan inovasi. Syarikat itu turut menawarkan perkhidmatan nilai tambah kepada syarikat binaan bagi tujuan pengangkutan air.

Majlis itu diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar. Turut hadir pada majlis itu ialah Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri, tetamu khas lain serta pegawai-pegawai kanan KPSSU dan BINA.



# Diari KPSSU

## JUN 25 SAMBUTAN PERISTIWA ISRA' MI'RAJ NABI MUHAMMAD SAW

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama telah mengadakan majlis sambutan Isra' Mi'raj pada sebelah petang 25 Jun 2012, bagi tahun 1433 Hijrah/2012 Masehi di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian itu.

Hadir pada sambutan itu ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar yang diiringi oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Hj Awg Mohd Jamil Al-Sufri.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah, disusuli dengan ceramah Isra' Mi'raj yang disampaikan oleh Ustaz Ali Hassan bin Hj Mohd Said dari Pusat Dakwah Islamiah. Turut diadakan pada majlis itu ialah bengkel yang membincangkan mengenai beberapa topik, termasuk Menghalusi Solat-Solat Fardhu bagi Rukun-Rukun Sembahyang, Solat Masbuk, Jama' dan Qasar serta Peranan Imam dan Makmum.



## JUN 23-25 SEMINAR MENGENAI KEUPAYAAN IKAN TERNAKAN SANGKAR



Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama baru-baru ini mengadakan bengkel kaji siasat dan penilaian keupayaan daya tampung di kawasan-kawasan industri pemeliharaan ikan dalam sangkar terapung di Kompleks Perikanan Laut, Serasa. Para peserta bengkel yang terdiri daripada pegawai-pegawai dari Jabatan Marin, pensyarah serta pelajar Institut Teknologi Brunei dan Sekolah Vokasional Wasan bersama kakitangan Jabatan Perikanan telah menerima sijil yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis iaitu Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Hasnah bte Ibrahim.

Antara objektif bengkel itu ialah:

1. Untuk memahami lebih mendalam mengenai teknologi keupayaan daya tampung di kawasan akuakultur dan mengetahui hubungkait antara aktiviti akuakultur dan kualiti air dan



perlaksanaan penilaiannya.

2. Untuk memperoleh data-data yang diperlukan serta maklumat yang mencukupi untuk menjalankan penilaian yang bernas ke atas keadaan kualiti air dan kaedah seterusnya untuk mengatasi parameter yang menjejaskan keupayaan daya tampung.
3. Untuk merumus keputusan mengenai kaedah terbaik bagi menangani masalah seperti *eutrophication* iaitu terjadinya plankton bloom dan tahap oksigen rendah, kualiti air dan masalah-masalah lain berkaitan dengan kesihatan dan pembesaran ikan.